

17/03/2004

Sokong Pak Lah demi kesejahteraan: Dr M

Azman Zakaria; Azrina Ahzan

SHAH ALAM: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, meminta rakyat yang selama ini memberi sokongan kepadanya ketika menerajui pentadbiran negara, memberi pula sokongan padu kepada penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya ke-11 ini penting untuk membolehkan Abdullah meneruskan segala usaha membangunkan negara demi kesejahteraan rakyat.

"Terima kasih kerana selama 22 tahun tuan-tuan dan puan-puan memberi sokongan kepada kerajaan bawah pimpinan saya. Dan sekarang ini saya minta beri sokongan kepada pemimpin baru negara, Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) supaya beliau dapat meneruskan segala usaha membangunkan negara demi kesejahteraan semua," katanya pada majlis perjumpaan dengan rakyat di Seksyen 18, di sini, semalam.

Turut hadir calon BN Parlimen Shah Alam, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin; Datuk Ahmad Nawawi M Zin (DUN Kota Anggerik) dan Datuk Salamon Selamat (DUN Batu Tiga).

Dr Mahathir berkata, harapan beliau supaya pengundi pergi mengundi BN pada sebelah pagi 21 Mac ini, dan selepas itu boleh pergi menonton perlumbaan kereta F1 sekiranya hendak menontonnya.

Beliau juga berkata, BN adalah parti bertanggungjawab dan menunaikan janji yang dibuat, dan oleh sebab itu tidak takut untuk mengembalikan kepada rakyat kuasa untuk memilih kerajaan setiap lima tahun.

"Bulan tak boleh buat apa-apa pun... seperti pungguk rindukan bulan, terus rindukan bulan aje. Yang adil ialah kita, dacing ... sama timbang, sama aje. Itulah BN," katanya.

Ketika ditanya pemberita kemudian mengenai beberapa calon menarik diri yang membolehkan calon BN menang tanpa bertanding, beliau berkata, ia menunjukkan bahawa mereka mengakui tidak boleh menang menentang BN.

Di SIBU, Dr Mahathir berkata semua calon BN perlu mendapat majoriti lebih besar bagi membuktikan kepada dunia pertukaran kepemimpinan negara tidak menjejaskan sokongan rakyat terhadap kerajaan.

Katanya, majoriti yang lebih besar dapat menunjukkan kepada dunia pertukaran pemimpin negara tidak mempengaruhi undi rakyat kepada BN.

"Kita meminta rakyat supaya mengekalkan kerajaan yang sedia ada. Oleh itu, keluarlah mengundi dan undilah BN supaya ia mendapat majoriti yang lebih," katanya pada majlis pemimpin bersama rakyat di Dewan Suarah Sibu di sini, semalam.

Dr Mahathir mengadakan kempen bagi membantu calon BN di Sarawak yang dihadiri lebih 3,000 pemimpin masyarakat dan penduduk sekitar bandar Sibu.

Beliau yang tiba dari Kuala Lumpur disambut Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Timbalannya, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam di Lapangan Terbang Sibu, kira-kira jam 10.30 pagi.

Mengenai manifesto pakatan pembangkang yang dikeluarkan kelmarin, Dr Mahathir berkata, kandungan manifesto itu tidak berasas dan hanya bertujuan untuk meraih undi.

"Bagaimana mereka (pembangkang) hendak membangunkan negara jika tidak ada duit dan macam mana mereka hendak cari duit kalau cukai dikurangkan dan tol dihapuskan.

"Ini adalah janji yang mereka buat tetapi tidak boleh ditunaikan, sebab mereka tahu mereka tidak boleh membentuk kerajaan," katanya.